

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Sunday, August 18, 2019 4:28 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** ICVHE Anjuran Bersama 7 Universiti Perkasakan Modal Insan Dalam Era IR4.0



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

18 OGOS 2019 / 17 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA CAS

### ICVHE ANJURAN BERSAMA 7 UNIVERSITI PERKASAKAN MODAL INSAN DALAM ERA IR4.0



**UUM ONLINE:** Indonesia – Bagi memperkasakan modal insan dalam menghadapi era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), Program Pendidikan Vokasi Universitas Indonesia (UI) dan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS) UUM telah menganjurkan *The 4th International Conference on Vocational Higher Education (ICVHE)* di Manado, baru-baru ini.

Pengarah Program Pendidikan Vokasi UI, Sigit Pranowo Hadiwardoyo berkata, bertemakan '*Empowering Human Capital Toward Sustainable 4.0 Industry*', program selama dua hari itu turut mendapat kerjasama lima universiti lain iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Central Queensland University Australia (CSQ), National Yunlin University Taiwan (NYUT), Universitas Sam Ratulangi (UNSRAT) dan Universitas Negeri Manado (UNIMA).

Menurutnya, tujuan persidangan itu adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan pemerkasaan modal insan dalam mendepani IR4.0.

"Program ini juga adalah satu usaha berterusan UI untuk meningkatkan hubungan kerjasama dengan universiti antarabangsa lain.

“Tahun ini, julung kali kita melibatkan penganjur bersama dari universiti luar negara dan berharap usaha sama ini akan diteruskan lagi pada masa hadapan,” katanya yang mewakili Rektor UI merasmikan ICVHE.

Turut hadir ialah Timbalan Gabenor Sulawesi Utara, Steven Octavianus Estefanus Kandouw.

Sebanyak 188 kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan ini melibatkan Malaysia, Taiwan, Australia dan Indonesia dalam pelbagai bidang termasuk berkaitan model insan mengikut perspektif Sains Sosial, Kemanusiaan, Pentadbiran Awam, Pengurusan dan Teknologi Maklumat.

Persidangan terbahagi kepada tiga sesi iaitu sesi ucapan, sesi ceramah universiti dan industri serta dan sesi *parallel*.

Empat orang pengucap utama dalam sesi pertama telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad dari UUM; Prof. Wu Min Chang dari National Yunlin University Taiwan, Prof. Peter Helibuth dari Central Queensland University dan Prof. Dr. Norazah Mohd Nordin dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.